

Nama : ..... Kelas : .....

**SULIT**  
**1103/1**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**Ogos**  
**2018**

**1103/1**



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2018**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aplikasi perniagaan dalam talian.

Huraikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan aplikasi perniagaan dalam talian.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**KEBAIKAN APLIKASI PERNIAGAAN DALAM TALIAN**

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Sempena Minggu Saham Amanah Malaysia, anda telah menyertai pertandingan syarahan peringkat daerah yang bertajuk 'Faedah-faedah Melabur dalam Saham Amanah'.

Tulis teks syarahan anda selengkapnya.

- 2 Permainan tradisional seperti congkak, gasing, wau dan batu seremban semakin dilupakan oleh generasi muda kini.

Bincangkan sebab-sebab permainan tradisional semakin dilupakan dan langkah-langkah untuk mempopularkannya.

- 3 Kerajaan telah berusaha untuk membanteras gejala rasuah, namun amalan ini terus wujud dan mengakibatkan pelbagai impak negatif.

Huraikan kesan-kesan gejala rasuah kepada masyarakat dan negara.

- 4 Kestabilan politik di sesebuah negara menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan sosial masyarakatnya.

Bincangkan.

- 5 Filem yang mengangkat nama tokoh-tokoh negara dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air seperti filem *Sarjan Hasan*, *Bukit Kepong* dan *Hati Malaya 1957* telah mendatangkan pelbagai pengajaran.

Huraikan pengajaran-pengajaran yang diperoleh daripada filem sedemikian.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



Nama : ..... Kelas : .....

**SULIT**  
1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2018  
2½ jam

1103/2



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2018**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.



**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan sekolah memupuk budaya positif dan kepentingan budaya positif dalam kehidupan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pada hari ini kecemerlangan pelajar bukan sekadar diukur dari segi pencapaian akademik yang cemerlang semata-mata bahkan turut mengambil kira kecemerlangan sahsiah dan kokurikulum. Program transformasi pendidikan kini bergerak ke arah landasan yang lebih tepat dan padu untuk mencapai matlamat ini. Pada asasnya, sekolah ditubuhkan dengan tujuan untuk mendidik para pelajar dengan ilmu pengetahuan yang berlandaskan pelbagai bidang. Selain itu, pembentukan keperibadian pelajar juga merupakan salah satu inti pati penting dalam matlamat penubuhan sekolah di samping menjadi pusat kecemerlangan pelajar.

Sebagai agen perubahan dalam masyarakat, sekolah dilihat sebagai lokasi tumpuan untuk mengawal tingkah laku dan membentuk personaliti pelajar. Sekolah sebagai satu institusi pendidikan yang ditubuhkan berperanan memenuhi keperluan anggota masyarakat untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi perkembangan individu secara holistik. Sekolah mempunyai fungsi tersendiri untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dan berketerampilan. Maka dalam konteks ini, sekolah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan peranan sebagai institusi pembelajaran, sosial dan moral.

Peranan sekolah yang penting termasuklah mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan harmoni untuk membangkitkan minat dan semangat pelajar agar terus belajar dengan *cara yang konsisten*. Selain itu, sekolah merupakan wahana untuk merealisasikan matlamat pendidikan negara yang berfokuskan pembentukan pelajar yang berilmu, berbudi pekerti dan berpotensi. Sekolah turut dilihat sebagai institusi penting untuk melahirkan pelajar yang memiliki pemikiran yang kreatif, kritis dan imaginatif.

Pihak sekolah berperanan sebagai mangkin dan agen perubahan sosial melalui kemajuan dalam bidang pendidikan, sahsiah, disiplin, pergaulan dan interaksi sosial. Perkembangan potensi pelajar bukan sahaja dinilai dari segi intelek, malahan juga meliputi aspek rohani dan emosi. Sekolah memainkan peranan mengekalkan corak kehidupan dan kebudayaan yang dianggap baik. Contohnya perkara yang berkaitan dengan moral seperti budi bahasa, sopan santun dan hormat-menghormati. Sekolah juga mengajarkan kebudayaan kebangsaan seperti bendera negara, lagu kebangsaan dan bahasa kebangsaan.

Kesimpulannya, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan strategi penerapan nilai-nilai murni secara komprehensif dan bersepadu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pelan yang menuntut semua pihak terus menggembeng segala idea, tenaga dan sumbangan agar negara ini dapat melahirkan generasi muda yang cemerlang bertunjangan keperibadian yang utuh dan bertatasusila.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Peranan Sekolah sebagai Agen Pemupukan Budaya yang  
Luhur dan Seimbang'  
oleh Azhar Salleh,  
Dewan Masyarakat, Ogos, 2017



**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *cara yang konsisten*. [2 markah]
- (ii) Pengarang telah mengemukakan tujuan asas penubuhan sekolah.  
Nyatakan tujuan tersebut. [3 markah]
- (iii) Kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa amat penting untuk menjayakan program kecemerlangan sahsiah dan kurikulum pelajar.

Jelaskan pendapat anda tentang cara-cara yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam program-program tersebut.

[4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Matahari sebagai sumber tenaga. Orang heboh-heboh tentang sumber gantian kepada petrol dan diesel. Tenaga solar ialah alternatif yang paling efisien. “Ah! Buat apa berbicara tentang tenaga alternatif? Bukankah aku yang sedang terlompat-lompat macam beruk dan kera di bulan,” fikir Aiman.

Betapa dia tidak terlompat-lompat. Kuasa graviti di bulan lebih lemah daripada kuasa graviti di bumi.

Dia terus terapung-apung di udarakasa bulan tanpa udara. Pakaian angkasa lepas yang serba putih dan lengkap itu membekalinya oksigen. Di kiri dan di kanannya kelihatan padang pasir yang luas terhampar persis Sahara keadaannya. “Ah, macam bumi juga!” Aiman mendengus. Kawah besar, lurah dalam dan melebar, dataran terhampar dan gunung-ganang – semuanya ada dan wujud.

Eh, tengok di sana itu! Gelap betul. Tidak nampak apa-apa. Oh, barangkali inilah yang dikatakan ‘lautan’! Penamaan yang pelik dan ganjil. Ada unsur sinisnya. Kerana: Kajian saintifik membuktikan bahawa air tidak wujud di planet bulan.

Dipetik daripada cerpen ‘Hipertensi’  
oleh Illias Zaidi  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, apakah yang dilihat oleh Aiman ketika terapung-apung di bulan? [2 markah]
- (ii) Tenaga solar, biomas dan hidroelektrik merupakan sumber alternatif yang semakin digunakan secara meluas di Malaysia.
- Pada pendapat anda, apakah kekangan yang wujud dalam menggunakan sumber alternatif ini? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]



**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang menghadap raja. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi.

Maka sembah Laksamana, “Pada *firasat patik*, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini.”

Maka titah raja, “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patik beroleh.”

Maka titah baginda, “Segeralah perbuat, kekasihku Laksamana, hikmat itu.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, pada malam ini lepaskanlah patik pergi berkawal, tiada jauh.”

Maka baginda bertitah, “Baiklah.”

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka dibubuhnya suatu hikmat, radak-meradak dan ketak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *firasat patik*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah strategi yang dirancang oleh Laksamana bagi memastikan istana selamat daripada penjurit? [3 markah]
- (iii) Keselamatan sesebuah negara amat penting untuk keamanan dan kesejahteraan penduduknya.

Pada pendapat anda, apakah peranan pasukan keselamatan demi menjamin keamanan negara? [3 markah]

**Soalan 2(d) – Seloka**

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU**

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang Raja.  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya;  
Besar tersergam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat gantung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelempai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru:  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

**ZA'BA**

Antologi *Sejadah Rindu*  
Dewan Bahasa dan Pustaka



(i) Nyatakan tindakan Pawang Raja sebaik-baik sahaja dititahkan membuat istana. [2 markah]

(ii) Pembinaan sesebuah bangunan perlu mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memastikan pembinaan sesebuah bangunan dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan?

[3 markah]

(iii) Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam seloka tersebut. [4 markah]

(ii) tatkala

(iii) nilai

(iv) cakera pedan

(v) dalam talian

(vi) musturun

[3 markah]

(i) Tawar ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah makna.

(i) Kita Ayuni kepada Sarah, "jangan makan makanan yang banyak lemak. Saya bimbang awak akan mendapat sakit."

(ii) "Saya berjaya tidak akan hont jahat lagi," kata Muzammil. "Saya akan menanti semua perituan sekolah ini," sambungnya lagi.

(iii) "Lipat! Lipat!" Aina menjerit. "Ada lipas di atas meja," kalungnya lagi. [4 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Gariskan kesalahan ejaan tersebut dan tulis ejaan yang betul. Gariskan kesalahan imbuhan tersebut dan tulis imbuhan yang betul. [4 markah]

(i) Belawan-pelawan tegguh kagun melibat telapanuk Puan Saizah Marziah. thidakan di luar lapangan di dalam perlawanan itu.

(ii) Langkah-langkah karyaan membinaikan jumlah pekerja asing di Malaysia yang makin meningkat dari masa ke masa diusahakan oleh kerajaan.

(iii) Bekas istana istiadat dan kebudayaan akan disediakan untuk menghidupkan nostalgia di kawasan istiadat, antara lain dengan...

[Lihat halaman sebelah



**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) swafoto
- (ii) tetikus
- (iii) tular
- (iv) cakera padat
- (v) dalam talian
- (vi) muat turun

[6 markah]

(b) *Tukar ayat cakap ajuk di bawah kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya .*

- (i) Kata Ayuni kepada Sarah, “Jangan makan makanan yang banyak lemak. Saya bimbang awak akan mendapat sakit.”
- (ii) “Saya berjanji tidak akan buat jahat lagi,” kata Muazzam. “Saya akan mematuhi semua peraturan sekolah ini,” sambungnya lagi.
- (iii) “Lipas! Lipas!” Alia menjerit. “Ada lipas di atas meja,” katanya lagi.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pelawat-pelawat begitu kagum melihat rekabentuk Pusat Sains Negara semasa diadakan di luar mahupun di dalam bangunan itu.
- (ii) Langkah-langkah kerajaan meminimakan jumlah pekerja asing di Malaysia yang makin menambah dari masa ke masa disokong oleh masyarakat.
- (iii) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi akan menerbitkan monogeraf yang menghimpunkan pengajian ilmiah tentang bahasa, sastera dan kebudayaan.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata** atau **istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ramai anak muda yang terjatuh dalam masalah sosial di era globalisasi.
- (ii) Masalah tekanan perasaan yang dialami di dalam kalangan kanak-kanak boleh menjejaskan kecergasan fikiran mereka.
- (iii) Habis semua khemah-khemah yang disimpan di dalam stor stadium mini itu digigit oleh tikus yang berkeliaran di situ.

[6 markah]

(e) Berikan **satu peribahasa lain yang sama maksud** atau **hampir sama maksud** dengan peribahasa di bawah.

- (i) Bagai cincin dengan permata
- (ii) Masuk ke telinga kanan keluar ke telinga kiri
- (iii) Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah

[6 markah]



**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Dalam sesebuah novel, pengarang sering menyelitkan elemen yang boleh menjadi pengajaran kepada pembaca.

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, huraikan **dua** pengajaran yang telah diketengahkan oleh pengarang.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang pada pendapat anda dapat menarik perhatian pembaca.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**